SUARA KONTEMPORARI Kosmo!





iGen

YUSERRIE (tengah dari kiri) bergambar bersama anggota Ibu Pejabat Polis Kontinjen Putrajaya.

# Singgah Sahur UMPSA erat ukhuwah

Oleh SAIFUL ZAMRI MISRANI

UNIVERSITI Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) baru-baru ini berkesempatan menyantuni dan menyampaikan sumbangan barangan keperluan serta duit raya kepada 55 anak-anak yatim, golongan miskin dan asnaf.

Penyerahan sumbangan tersebut dilaksanakan di Pertubuhan Warisan Suci di Kajang, Selangor yang merupakan rumah kebajikan yang menyediakan tempat perlindungan kepada kanak-kanak memerlukan terutamanya anak yatim.

Program Singgah Sahur UMPSA turut berpeluang bertemu dengan seramai 37 anak-anak di Pusat Jagaan Kanak-Kanak Yatim dan Miskin Muhamad Al-Fateh di Bangi Avenue bagi mengedarkan duit raya buat anak-anak di sana.

Pengerusi pusat jagaan, Mohd. Zaidi Zainal Abidin turut menyampaikan taklimat dan berkongsi mengenai operasi pusat itu kepada sukarelawan.

Menurut Naib Canselor UMPSA, Prof. Datuk Ts. Dr. Yuserrie, selain beramah mesra, program tersebut bertujuan berkongsi rezeki dengan menyampaikan juadah sahur.

"Program ini bukan sahaja dapat memberi peluang kepada pihak universiti untuk beramah mesra dengan penghuni rumah pertubuhan.

"Malah, ia dapat memupuk keinsafan dan kesyukuran dalam diri, selain terus bersyukur dengan rezeki yang dikurniakan," katanya.

Program melibatkan seramai 40 sukarelawan yang terdiri daripada barisan pengurusan UMPSA, Ahli Lembaga Pengarah dan Lembaga Pemegang Amanah Yayasan serta pelajar ke destinasi terpilih bagi menyantuni pengurusan rumah kebajikan serta asnaf.

Katanya, program tersebut turut berkesempatan bertemu barisan hadapan petugas keselamatan di Balai Bomba dan Penyelamat Putrajaya yang terletak di Presint 7 dan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Putrajaya.

Tambahnya, kunjungan tersebut secara tidak langsung dapat menzahirkan penghargaan kepada petugas yang tidak pernah jemu menyumbang jasa kepada negara sambil mengeratkan silaturahim.

Jelas Yuserrie, program singgah sahur itu dilaksanakan saban tahun ketika Ramadan bagi mendekatkan universiti dengan masyarakat.

Ujarnya, ia seiring dengan slogan, 'Teknologi Untuk Masyarakat' dan mengangkat agenda kesukarelawanan dalam kalangan warga universiti.

Program tersebut berjalan lancar selama tiga jam dari pukul 10.30 malam hingga 1.30 pagi.

YUSERRIE (tengah) menyampaikan duit raya kepada kanak-kanak.

PARA sukarelawan UMPSA menyantuni anak-anak yatim semasa program singgah sahur.

# Singgah Sahur UMPSA erat ukhuwah

08 Apr 2024

Kosmo